

21 Oktober, 1981

1,000 ahli Berjasa dikerah sambut ketibaan Mahathir

IPOH, Selasa — Berjasa Perak akan mengarahkan 1,000 ahlinya menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di lapanganterbang di sini pada 28 Oktober nanti.

Pesuruhjaya Berjasa, Ustaz Osman Bakar berkata, satu memorandum khas akan disampaikan kepada Perdana Menteri semasa lawatan dua hari ke sini.

Memorandum itu katanya, mengandungi perkara seperti politik negeri Perak, ekonomi Bumiputera, agama, pelajaran, pendidikan dan masalah belia.

Ini merupakan salah satu keputusan mesyuarat Perhubungan Berjasa Negeri di sini kelmarin.

Mesyuarat itu melantik semula Ustaz Osman Bakar sebagai Pesuruhjaya Berjasa Perak 1981-83.

Mesyuarat itu juga mengambil keputusan mengadakan kursus penerangan Berjasa bagi negeri Perak bulan depan di sini sebagai persediaan bagi menghadapi pilihanraya akan datang.

Mesyuarat tersebut merupakan mesyuarat perhubungan Berjasa negeri yang pertama selepas muktamar pada April lalu.